

SOALAN NO. 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI

TARIKH : 30 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian dalam mengatasi masalah lambakan pendatang haram dan pelarian yang menjalankan aktiviti meminta sedekah dengan menjadikan kanak-kanak sebagai mangsa eksploitasi terutamanya di kawasan tumpuan orang ramai.

29

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dan memandang serius mengenai isu pengemisan di kawasan restoran, medan makan dan pusat membeli belah terutama yang melibatkan golongan Orang Kurang Upaya, kanak-kanak dan warga emas sama ada oleh warga negara mahupun bukan warga negara Malaysia.

Bagi menangani isu pengemisan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendekatan secara menyeluruh (*holistic*) dengan penglibatan pelbagai agensi (*multi-sectoral*). KPWKM akan terus memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan aktiviti pengemisan dapat dikurangkan.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamatkan pengemis berdasarkan peruntukan di bawah Akta

Kanak-Kanak 2001 dan Akta Orang-Orang Papa 1977 dan melibatkan kerjasama pelbagai agensi.

Tuan Yang Dipertua,

Antara usaha-usaha yang dijalankan bagi menangani pengemisan di kalangan kanak-kanak pula adalah seperti berikut:

- i) Kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi mengemis di tempat awam, tindakan menyelamatkan kanak-kanak tersebut diambil di bawah peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak yang diselamatkan ini ada yang dikembalikan kepada ibu bapa atau penjaga mereka. Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka perlu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka. Selain itu, kanak-kanak juga boleh diletakkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai di bawah Seksyen 30(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 supaya mereka boleh terus hidup dalam suasana kekeluargaan. Bagi kes di mana kanak-kanak tidak sesuai untuk tinggal

31

bersama ibu bapa atau penjaganya, kanak-kanak akan diletakkan di Tempat Selamat. Namun, penempatan kanak-kanak ke Tempat Selamat adalah langkah terakhir selepas usaha-usaha lain dilaksanakan

- ii) Seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan bahawa mana-mana orang termasuk ibu bapa atau penjaga yang menyebabkan atau mengakibatkan mana-mana kanak-kanak itu mengemis atau meminta sedekah dengan cara menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa untuk jualan atau menjalankan perniagaan yang menyalahi undang-undang seperti loteri haram, perjudian atau lain-lain aktiviti yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu sekiranya melakukan kesalahan dan disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara 20 tahun dan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat.

- iii) Menyalurkan bantuan kewangan kepada keluarga jika didapati langkah itu bersesuaian dengan kebolehan keluarga untuk meneruskan hidup dan mengelak dari kanak-kanak menjalankan

penjajaan yang boleh menjejaskan keselamatan dan masa depan mereka;

- iv) Memberikan perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak untuk mengendalikan keperluan emosi kanak-kanak. Kaunseling kepada keluarga dan program keibubapaan akan turut diberikan bagi memastikan mereka mengetahui aspek keselamatan dan perlindungan kanak-kanak.
- v) Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka boleh dikenakan tindakan iaitu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka.

Tuan Yang DiPertua;

Antara langkah-langkah yang diambil bagi menangani isu pengemisan adalah:

- i) Menjalankan Operasi Bersepadu, Berjadual dan Ad-hoc/Aduan. Antara agensi yang terlibat dalam Operasi Bersepadu adalah Polis

33

DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan. Dalam operasi bersepadu ini setiap agensi akan mengenal pasti mereka yang diselamatkan. Setiap agensi akan mengambil tindakan terhadap kumpulan sasar masing-masing mengikut bidang kuasa agensi. Sehingga Jun 2017, JKM telah menjalankan 1,240 operasi menyelamatkan pengemis yang mana sebanyak 162 buah operasi bersepadu, 558 operasi berjadual dan 520 buah operasi berdasarkan aduan atau *ad-hoc* di seluruh negara. Melalui Operasi tersebut seramai 1,278 orang pengemis telah diselamatkan melibatkan 322 orang pengemis warga asing dan 965 orang pengemis tempatan.

- ii) Berdasarkan operasi yang dijalankan, jika didapati pengemis yang diselamatkan adalah bukan warganegara atau pendatang tanpa izin, mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk diambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan di bawah agensi berkaitan. Manakala pengemis warganegara yang tidak mempunyai waris, berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), dan pengemis yang berumur 60 tahun dan ke

atas pula diberikan penjagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK).

- iii) Mengadakan Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemis melalui media cetak dan media elektronik. Melalui kempen ini, poster, sticker dan pamflet dengan slogan “Bijak Membantu, Elak Tertipu” telah diedarkan kepada orang awam melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Kempen bertujuan menerapkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat bahawa aktiviti mengemis adalah menyalahi undang-undang. Oleh itu masyarakat perlu bijak membantu dan memberi sumbangan mengikut saluran betul seperti membantu rumah-rumah kebajikan yang berdaftar, mangsa bencana, rumah-rumah ibadat atau individu-individu yang dikenalpasti kesusahan hidupnya. Sehingga Jun 2017, sebanyak 298 kempen telah diadakan melalui pelbagai medium seperti pengedaran pamflet dalam program-program yang dilaksanakan atau semasa operasi pengemis, siaran media seperti televisyen, radio, majalah, akhbar dan melalui media sosial.

- iv) JKM juga bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Bagi Membanteras Pengemisan di peringkat nasional dan jawatankuasa ini juga wujud di peringkat negeri serta daerah. Jawatankuasa ini berperanan menyelaraskan program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela (NGO) yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan melalui operasi menyelamatkan pengemis kurang berkesan andainya orang awam tidak bersungguh-sungguh untuk sama-sama membanteras aktiviti pengemisan dengan terus memberikan sumbangan kepada golongan ini. Maka dengan ini adalah disarankan kepada anggota masyarakat termasuk ahli Yang Berhormat agar "Bijak Membantu Elak Tertipu" jika kita ingin melihat aktiviti ini lebih terkawal di masa hadapan.